



ANUGERAH-ANUGERAH JULANGAN BAKAT UMT

KATEGORI:

***ANUGERAH
INOVASI PENGURUSAN***

Disediakan oleh :-

Pejabat Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu

(Minit JKSM UMT Kali Ke-6 (Bilangan 2 Tahun 2020) – 23 Januari 2020)



ANUGERAH INOVASI PENGURUSAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

SYARAT DAN KRITERIA

TUJUAN

- i. Anugerah ini diberikan kepada Pusat Tanggungjawab (PTj) yang telah berjaya menghasilkan pengurusan inovasi untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian PTj dan UMT.
- ii. Anugerah ini juga boleh dianugerahkan kepada individu yang telah berjaya memberikan impak kepada peningkatan inovasi dan kreatif atau kualiti pengurusan di PTj dan UMT atau di peringkat yang lebih tinggi dengan penjana idea baharu.

SYARAT KELAYAKAN

- i. Individu atau ahli-ahli kumpulan hendaklah staf universiti bukan akademik yang berjawatan tetap atau kontrak.
- ii. Terbuka untuk individu atau kumpulan setiap PTj.
- iii. Pencalonan dibuka kepada kumpulan inovasi yang meraih pencapaian tertinggi sama ada di peringkat Universiti Malaysia Terengganu atau di peringkat Wilayah Timur atau di peringkat Kebangsaan atau di peringkat Antarabangsa.
- iv. Pencalonan individu dibuka kepada calon yang berjaya membuktikan beliau telah memberikan impak kepada peningkatan inovasi dan kreatif pengurusan di PTj dan UMT dengan penjana idea baharu.
- v. Projek yang sama boleh dipertandingkan jika ada penambahbaikan.
- vi. Pencalonan perlu mencapai markah minimum penilaian anugerah iaitu 80 peratus (80%) untuk pertimbangan jawatankuasa yang berkaitan.

TATACARA PERMOHONAN DAN PENILAIAN ANUGERAH

- i. Pencalonan boleh dibuat oleh individu/jabatan.
- ii. Permohonan/pencalonan perlu menggunakan borang rasmi yang diperoleh melalui portal MyNemo. Semua permohonan/pencalonan perlu lengkap dan disertakan maklumat dan bukti-bukti yang disahkan.
- iii. Setiap pencalonan mesti disokong dan diperakukan oleh Ketua PTj.
- iv. Permohonan akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa penilaian yang dilantik oleh Naib Canselor dan seterusnya diperakukan di Jawatankuasa Sumber Manusia (JKSM).
- v. Pemenang akan diluluskan oleh JKSM dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.

KRITERIA PENILAIAN

- i. Kriteria Penilaian Inovasi Pengurusan dinilai dari segi pencapaian pasukan atau kumpulan KIK/Kualiti. Pemarkahan adalah berdasarkan kepada format yang telah disediakan oleh Pusat Pengurusan Bakat dan Inovasi (PPBI) sepertimana di **Lampiran 1**. Markah akan diberikan oleh Panel Penilai yang dilantik berdasarkan bukti-bukti yang diberikan oleh calon.
- ii. Calon yang layak hasil dari pemarkahan oleh Panel Penilai dan memenuhi Kriteria Penilaian yang ditetapkan akan dijemput hadir pada sesi temubual bersama Panel Penilai. *(Calon perlu menyediakan slide pembentangan)*

Kriteria Penilaian		Markah
Impak	Kos	70
	Penyelesaian Masalah/Analisis	
	Masa	
Dokumentasi Inovasi <i>*Perlu dibawa semasa sesi temubual</i>	<i>Cth : Fail Meja / Standard Operation Process (SOP) / Garis Panduan / Modul / IP/copyright</i>	30
Jumlah Keseluruhan Markah		100

NILAI HADIAH

- i. Sijil penghargaan
- ii. Trofi

LAMPIRAN 1

RUBRIK PEMARKAHAN KIK

Item	Kriteria Penilaian	SKEMA PEMARKAHAN						
		1-4 (LEMAH)	5-7 (BAIK)	8-10 (CEMERLANG)	Markah Mak.	(a) Wajaran	(b) Markah (Mak. 10)	(a)x(b) Markah Berwajaran
1	Pengenalan (50 Markah)							
1.1	Latarbelakang Jabatan, kumpulan dan pemilihan kumpulan diterangkan.	Kumpulan menyatakan dengan ringkas: i) latar belakang Jabatan; ii) profail kumpulan; iii) senarai ahli kumpulan.	Kumpulan menerangkan secara butiran: i) Latar belakang Jabatan yang diwakili terutama visi, misi beberapa objektif serta kedudukan kumpulan dalam Jabatan); ii) Profail kumpulan terutama logo, motto, etika, objektif kumpulan struktur kumpulan dan prestasi kumpulan;	Kumpulan menerangkan butiran terperinci yang jelas: i) Latar belakang Organisasi dari peringkat tertinggi sehingga Jabatan yang diwakili terutama visi, misi dan objektif disenarai dan bagaimana berkaitan yang projek serta kedudukan kumpulan dalam Jabatan, pihak-pihak Berkepentingan (stakeholder) dikenalpasti dan bagaimana kaitannya	20	2		

			iii) Bagaimana ahli kumpulan dipilih.	dengan projek; ii) Profail kumpulan terutama logo, motto, etika, objektif kumpulan, struktur kumpulan dan prestasi kumpulan; iii) Pemilihan ahli menggunakan kriteria pemilihan terutama kemahiran yang dimiliki, kebolehan, pengetahuan, kelayakan dan/kriteria lain dan bagaimana ahli kumpulan dipilih.				
1.2	Kumpulan membuktikan penyertaan dan keberkesanan perancangan projek.	Kumpulan menyatakan dengan ringkas: i) Penyertaan ahli; dan ii) Perancangan projek	Kumpulan menjelaskan butiran: i) Beberapa aspek pengurusan kumpulan seperti kehadiran ahli dalam mesyuarat projek, agihan tugas dan penyertaan ahli dalam projek, sistem komunikasi kumpulan tanpa bukti; dan ii) Beberapa aspek pengurusan projek	Kumpulan menjelaskan butiran yang jelas; i) Pengurusan kumpulan terutama kehadiran ahli dalam mesyuarat projek, agihan tugas dan penyertaan ahli dalam projek, bagaimana dan kerjayaan sistem komunikasi kumpulan beserta bukti;	30	3		

			kumpulan seperti tempoh projek, modus operandi projek, langkah-langkah pelaksanaan projek, perancangan dan pelaksanaan projek.	ii) Pengurusan projek kumpulan terutama tempoh projek, modus operandi projek, langkah-langkah pelaksanaan projek, perancangan dan pelaksanaan projek yang disahkan sendiri. Nota: Perbezaan pencapaian langkah pelaksanaan projek antara perancangan dan pelaksanaan projek dijelaskan.				
2	Pemilihan Projek dan Definisi (150 Markah)							
2.1	Kumpulan menerangkan dengan jelas bagaimana dan kenapa projek menjadi pilihan.	Kumpulan menerangkan dengan jelas bagaimana dan kenapa projek menjadi pilihan.	Kumpulan menerangkan butiran: i) Projek yang dikenalpasti disenaraikan beserta latar belakang dan contoh; ii) Peringkat pemilihan dan sebab mengapa projek dipilih adalah secara logikal.	Kumpulan menerangkan butiran yang jelas; i) Projek yang dikenalpasti disenaraikan lengkap dengan latar belakang, contoh dan fakta/ data sejarahnya; ii) Peringkat pemilihan adalah berasaskan analisis fakta/ data	80	8		

				dan sebab mengapa projek dipilih adalah seperti analisis keparahan dan/ atau keupayaan kumpulan.				
2.2	Projek diterangkan dengan jelas. Istilah-istilah teknikal yang digunakan perlu dijelaskan	Kumpulan menyatakan dengan ringkas: i) Latar belakang projek yang dipilih; ii) Terminologi yang digunakan dalam projek.	Kumpulan menjelaskan butiran: i) Latar belakang projek yang dipilih dengan kaedah yang sesuai menggunakan beberapa fakta/ data; dan ii) Penjelasan terminologi yang digunakan dalam projek berdasarkan maksud sebenar dengan contoh.	Kumpulan menjelaskan butiran yang jelas: i) Latar belakang projek yang dipilih dengan kaedah yang betul termasuk petunjuk prestasi yang sebenar pencapaian semasa projek menggunakan fakta/ data yang konsisten; ii) Penjelasan terminologi yang digunakan dalam projek berdasarkan maksud sebenar dengan contoh.	40	4		

2.3	Penetapan sasaran projek diterangkan dan justifikasinya adalah berdasarkan analisis yang sesuai atau data/maklumat penanda aras	Kumpulan menyatakan dengan ringkas: i) Sasaran penyelesaian projek ditetapkan tanpa membandingkan fakta/ data sejarah; ii) Tiada aktiviti penanda aras.	Kumpulan menerangkan butiran: i) Sasaran penyelesaian projek ditetapkan dengan membandingkan fakta/ data untuk jangkaan penambahbaikan seperti mengurangkan kes atau meningkat produktiviti ii) Fakta/ data penanda aras dalaman yang diperolehi digunakan dalam menetapkan sasaran penyelesaian projek; iii) Penetapan sasaran penyelesaian projek	Kumpulan menerangkan butiran yang jelas: i) Sasaran penyelesaian projek ditetapkan dengan membandingkan fakta/ data untuk jangkaan penambahbaikan seperti mengurangkan kes atau meningkatkan produktiviti; ii) Fakta/ data penanda aras dalaman yang diperolehi digunakan dalam menetapkan sasaran penyelesaian projek; iii) Penetapan sasaran penyelesaian projek dijustifikasi menggunakan fakta/ data.	30	3		
-----	--	--	--	--	----	---	--	--

3	Analisis Peluang Penambahbaikan (250 Markah)							
3.1	Peluang penambahbaikan telah dikenalpasti berdasarkan data / maklumat mencukupi yang telah dikumpul melalui pelbagai cara dan alat-alat yang bersesuaian	i) Kumpulan mengumpul beberapa sebab/ punca yang mengakibatkan masalah/ peluang penambahbaikan; ii) Kaedah/ alat pengumpulan yang salah.	i) Kumpulan mengumpul pelbagai sebab/ punca dari beberapa faktor pengurusan yang mengakibatkan masalah/ peluang penambahbaikan; ii) Kaedah/ alat pengumpulan yang sesuai.	i) Kumpulan mengumpulkan pelbagai sebab/ punca dari beberapa faktor pengurusan yang mengakibatkan masalah/ peluang penambahbaikan lengkap dengan fakta/ data; ii) Menerangkan kaedah/ alat pengumpulan betul.	80	8		
3.2	Analisis secara sistematik dan penilaian sebab-sebab yang berpotensi dibuat untuk mengesahkan sebab-sebab tersebut dengan penggunaan alat yang bersesuaian	i) Kumpulan menganalisis dan menilai punca bagi mengenalpasti sebab/ punca sebenar kepada masalah/ peluang penambahbaikan dengan ringkas; dan ii) Alat penganalisan dan penilaian sebab/ punca adalah salah.	i) Kumpulan menganalisis dan menilai beberapa punca untuk mengenalpasti punca/ sebab sebenar kepada masalah/ peluang penambahbaikan secara beberapa peringkat; dan ii) Beberapa alat penganalisan dan penilaian adalah betul	i) Kumpulan menganalisis dan menilai beberapa punca untuk mengenalpasti sebab/ punca sebenar kepada masalah/ peluang penambahbaikan hingga ke peringkat yang munasabah; dan ii) Alat penganalisan dan penilaian bagi setiap sebab/ punca adalah betul.	120	12		

3.3	Pengesahan dan validasi peluang penambahbaikan / sebab-sebab yang dibuat dengan menggunakan pelbagai kaedah	Verifikasi dan validasi sebab/ punca sebenar tidak melaksanakan	i) Verifikasi dan validasi beberapa sebab/ punca sebenar oleh kumpulan sendiri; ii) Kaedah verifikasi dan validasi digunakan adalah sesuai.	i) Verifikasi dan validasi semua sebab/ punca sebenar oleh kumpulan sendiri dan/ atau pihak ketiga; ii) Kaedah verifikasi dan validasi digunakan adalah betul.	50	5		
4	Penyelesaian / Pelaksanaan Kreatif & Inovatif (200 Markah)							
4.1	Kumpulan telah mengenal pasti pelbagai potensi tindakan / penyelesaian kreatif dan inovatif	Kumpulan menyatakan satu cadangan/ tindakan penyelesaian berdasarkan masalah/ peluang penambahbaikan yang tidak kreatif dan inovatif.	Kumpulan menyatakan satu cadangan/ tindakan penyelesaian berdasarkan masalah/ peluang penambahbaikan yang kreatif dan inovatif bagi membuat penambahbaikan berterusan.	Kumpulan menyatakan satu cadangan/ tindakan penyelesaian berdasarkan masalah/ peluang penambahbaikan yang kreatif dan inovatif bagi membuat perubahan.	50	5		

4.2	Kumpulan telah menilai setiap penyelesaian alternatif dengan berhati-hati berdasarkan kepada pemilihan akhir berasaskan kriteria yang sesuai (kelebihan dan kekurangan diambil kira)	Kumpulan tidak menilai kebaikan dan keburukan cadangan/ tindakan penyelesaian yang dikenalpasti	Kumpulan menilai kebaikan dan keburukan beberapa cadangan/ tindakan penyelesaian yang dikenalpasti berasaskan objektif projek yang ditetapkan untuk mencapai tindakan/ penyelesaian kreatif dan inovatif.	Kumpulan menilai kebaikan dan keburukan setiap cadangan/ tindakan penyelesaian yang dikenalpasti berasaskan objektif projek yang ditetapkan untuk mencapai tindakan/ penyelesaian kreatif dan inovatif.	70	7		
4.3	Kumpulan telah menilai penyelesaian akhir yang kreatif dan inovatif ke atas objektif yang disasarkan	Kumpulan tidak membandingkan antara cadangan/ tindakan penyelesaian yang dipilih dengan objektif projek	Kumpulan membandingkan antara cadangan/ tindakan penyelesaian yang dipilih dengan semua objektif projek	Kumpulan membandingkan antara cadangan/ tindakan penyelesaian yang dipilih dengan semua objektif projek serta dipastikan ia betul dengan jangkaan tahap pencapaian.	30	3		

4.4	Kumpulan telah membuat dan melaksanakan penyelesaian kreatif dan inovatif dengan jayanya (kesulitan/halangan atau bagaimana ia diatasi, dijelaskan)	Kumpulan menyatakan pelaksanaan tindakan penyelesaian yang berjaya dengan ringkas	Kumpulan menjelaskan beberapa peringkat pelaksanaan tindakan penyelesaian hingga berjaya. Penjelasan kesulitan/ halangan dan penyelesaian juga ringkas	Kumpulan merancang dan menjelaskan peringkat demi peringkat pelaksanaan tindakan penyelesaian sehingga berjaya berasaskan fakta/ data yang dikutip pada setiap peringkat pelaksanaan. Penjelasan kesulitan/ halangan dan penyelesaiannya diterangkan secara fakta/ data.	50	5		
5	Pemantauan dan Penyeragaman (100 Markah)							
5.1	Kumpulan telah membuat pemantauan yang mencukupi dan sistematik bagi memastikan penambahbaikan dibuat mengikut susunan dan diselenggara	Kumpulan melaksanakan pemantauan terhadap penggunaan tindakan penyelesaian dan membuat pembetulan untuk mengekalkan pencapaian.	Kumpulan melaksanakan pemantauan terhadap penggunaan tindakan penyelesaian dan membuat pembetulan untuk penambahbaikan pencapaian butiran dan kebolehgunaan oleh pihak lain dalam Jabatan.	Kumpulan melaksanakan pemantauan terhadap penggunaan tindakan penyelesaian secara terancang dan membuat pembetulan untuk penambahbaikan pencapaian butiran dan kebolehgunaan oleh pihak lain dalam	50	5		

				dan luar Jabatan/ Organisasi.				
5.2	Kumpulan berupaya membuat pembaikan bagi memastikan penambahbaikan dibuat mengikut susunan dan diselenggara	Kumpulan melaksanakan susulan, penambahbaikan dan penyelenggaraan terhadap tindakan penyelesaian yang diseragamkan untuk mengekalkan pencapaian ditempat projek.	Kumpulan melaksanakan susulan, penambahbaikan dan menyelenggara terhadap tindakan penyelesaian yang diseragamkan di Jabatan dalam yang menerima penyeragaman.	Kumpulan melaksanakan susulan, penambahbaikan dan menyelenggara terhadap tindakan penyelesaian yang diseragamkan menambahbaik Jabatan luar/ Organisasi luar yang menerima penyeragaman	20	2		
5.3	Langkah-Langkah telah diambil bagi memastikan prosedur-prosedur baru telah disokong, diguna pakai, didokumenkan dan dikongsi	Kumpulan menunjukkan prosedur kerja baru	Kumpulan menunjukkan prosedur kerja baru yang disahkan dan menerangkan langkah-langkah yang telah diambil untuk mendokumennya	Kumpulan menunjukkan prosedur kerja baru yang disahkan dan disebarkan kepada staf Jabatan serta menerangkan langkah-langkah yang diambil untuk mendokumennya.	20	2		

5.4	Tindakan-tindakan telah diambil bagi memastikan prosedur-prosedur baru yang diguna pakai telah diseragamkan dan diselenggara	Kumpulan menyelenggara prosedur kerja baru.	Kumpulan menyelenggara dan mempiawai prosedur kerja baru.	kumpulan menyelenggra dan mempaiwai prosedur kerja baru setelah latihan dan/ atau promosi kepada pihak yang menerima penyeragaman.	10	1		
6	Pencapaian & Penciptaan Nilai (200 Markah)							
6.1	Gambaran jenis-jenis dan kuantum pencapaian dan penciptaan nilai	Kumpulan menyatakan secara ringkas; i) Jenis faedah ketara atau faedah tidak ketara yang dicapai; ii) Tanpa ciptaan nilai dan pencapaiannya.	Kumpulan menerangkan butiran: i) Jenis faedah ketara dan/ atau faedah tidak ketara yang dicapai; ii) Beberapa ciptaan nilai dan pencapaiannya kepada Jabatan dan/ atau pihak yang menerima penyeragaman.	Kumpulan menerangkan butiran jelas: i) Jenis faedah ketara dan faedah tidak ketara dengan tahap dicapai; ii) Beberapa ciptaan nilai dan tahap pencapaiannya kepada Jabatan dan/ atau pihak yang menerima penyeragaman.	70	7		

6.2	Penyesuaian sasaran pencapaian sebenar telah dibuat (kos di luar jangkaan dijelaskan)	Pencapaian sebenar dipadankan dengan sasaran projek tanpa menjelaskan kos projek.	i) Pencapaian sebenarnya butiran dipadankan dengan sasaran projek termasuk penerangan perbezaan pencapaiannya sama ada positif dan/ atau negatif; ii) Kos projek dijelaskan	i) Pencapaian sebenar dipadankan dengan sasaran projek termasuk menerangkan perbezaan pencapaiannya sama ada positif dan negatif; ii) Kos projek dan keberkesanan kos yang positif dijelaskan.	30	3		
6.3	Pemilihan penyelesaian telah dikenal pasti mengikut keunikan di peringkat syarikat / industri / kebangsaan dan antarabangsa	Kumpulan menyatakan dengan ringkas: i) Keunikan penyelesaian projek; ii) Pengiktirafan penyelesaian projek.	Kumpulan menjelaskan butiran: i) Keunikan penyelesaian projek; ii) Pengiktirafan penyelesaian projek di peringkat Jabatan.	Kumpulan menjelaskan butiran yang jelas: i) Keunikan penyelesaian projek dan mengenalpasti kaedah sedia dengan perbandingan; ii) Pengiktirafan penyelesaian projek di peringkat Jabatan/ industri negara.	40	4		

6.4	Kesan-kesan pencapaian dan penciptaan nilai kepada persekitaran, komuniti dan ahli-ahli kumpulan dinyatakan	Beberapa impak pencapaian dan ciptaan nilai hasil dari projek terhadap persekitaran atau masyarakat atau ahli kumpulan dinyatakan dengan ringkas.	Impak pencapaian dan ciptaan nilai hasil dari projek terhadap persekitaran, masyarakat dan ahli kumpulan tetapi kurang konsisten dengan beberapa bukti	Impak pencapaian dan ciptaan nilai hasil dari projek terhadap persekitaran, masyarakat dan ahli kumpulan seta konsisten dengan bukti kurang jelas	30	3		
6.5	Kumpulan menyediakan bukti pengesahan dan validasi pencapaian dan penciptaan nilai	Verifikasi dan validasi pencapaian dan ciptaan nilai oleh ahli kumpulan sendiri.	Verifikasi dan validasi pencapaian dan ciptaan nilai oleh Jabatan	Verifikasi dan validasi pencapaian dan ciptaan nilai oleh Jabatan dan pihak-pihak lain.	30	3		
7	Persembahan Projek (50 Markah)							
7.1	Persembahan yang kemas, turutan yang logikal dan menepati masa yang telah diperuntukkan	i) Olahan slaid, persembahan alat kualiti dan istilah-istilah projek tidak menarik; ii) Penceritaan projek serta fakta/ data projek tidak teratur; dan iii) Ditamatkan awal dari masa yang diperuntukkan.	i) Olahan slaid kurang menarik, persembahan alat kualiti dan istilah-istilah projek yang digunakan adalah tepat; iii) Ditamatkan awal masa yang diperuntukkan. ii) Turutan penceritaa projek dengan butiran	i) Olahan sliad menarik, persembahan alat kualiti dan istilah-istilah projek yang digunakan adalah tepat; ii) Turutan penceritaan projek dengan butiran serta fakta/ data projek konsisten; iii) Ditamatkan	30	3		

			serta fakta/ data projek konsisten;	menepati masa yang diperuntukan				
7.2	Persembahan yang jelas, penggunaan alat pandang dengar yang berkesan dan pengucapan awam yang baik	i) Penampilan kumpulan lesu dan ahli tidak menguasai projek; ii) Tidak mahir menggunakan alat pandangan dengar; iii) Penggunaan gaya bahasa , sebutan dengan intonasi dan gerak tubuh lesu.	i) Penampilan kumpulan menarik dan tidak semua ahli mahir akan projek; ii) Mahir menggunakan alat pandangan dengar tetapi kurang berkesan; iii) Penggunaan gaya bahasa, sebutan dengan intonasi dan gerak tubuh kurang konsisten.	i) Penampilan kumpulan menarik dan semua ahli mahir akan projek; ii) Mahir menggunakan alat pandangan dengar serta berkesan, dan mahir serta mnguasai kegunaan alat pandangan dengar; iii) Penggunaan daya bahasa, sebutan dengan intonasi dan gerak berkesan, dan gerak tubuh yang bertenaga.	20	2		
Jumlah					1000	100		

Item	Kriteria Penilaian	SKEMA KRITERIA TAMBAHAN			
		1-4 (LEMAH)	5-7 (BAIK)	8-10 (CEMERLANG)	MARKAH
1	Persembahan Terbaik				
1.1	Isi Kandungan Laporan	i) Berkemampuan sederhana menjelaskan, menganalisa secara kritikal dan pertimbangan terhadap isu yang dibincangkan; ii) Berkemampuan sederhana menganalisa dan membina idea baharu melalui pengintegrasian maklumat; iii) Berkebolehan sederhana dalam mengadaptasi segala bentuk kemahiran penulisan secara ilmiah dalam laporan.	i) Berkemampuan menjelaskan, menganalisa secara kritikal dan pertimbangan terhadap isu yang dibincangkan; ii) Berkemampuan tinggi menganalisa tetapi sederhana dalam membina idea baharu melalui pengintegrasian maklumat; iii) Berkebolehan tinggi dalam mengadaptasi segala bentuk kemahiran penulisan secara ilmiah dalam laporan.	i) Sangat berkemampuan menjelaskan, menganalisa secara kritikal dan pertimbangan terhadap isu yang dibincangkan; ii) Berkemampuan tinggi menganalisa dan membina idea baharu melalui pengintegrasian maklumat; iii) Berkebolehan tinggi dalam mengadaptasi segala bentuk kemahiran penulisan secara ilmiah dalam laporan.	
1.2	Susunan Laporan	i) Laporan yang tidak lengkap dan terdapat banyak maklumat/fakta penting yang tidak dinyatakan; ii) Laporan yang tidak mengikut susunan yang betul.	i) Laporan yang hampir menyeluruh tetapi terdapat beberapa maklumat penting yang tidak dinyatakan; ii) Laporan mengikut susunan yang betul.	i) Laporan yang komprehensif dan menyeluruh. ii) Laporan mengikut susunan yang betul.	

1.3	Jelas dan mudah difahami	i) Menggunakan tata bahasa yang kurang jelas dan penyusunan ayat yang kurang tepat dan lengkap.	i) Menggunakan tata bahasa yang betul tetapi ayat yang tidak lengkap untuk beberapa bahagian.	i) Menggunakan tata bahasa dengan cemerlang dan ayat yang lengkap untuk semua bahagian.	
1.4	Grafik yang Bersesuaian	i) Grafik dan ilustrasi yang digunakan di dalam laporan kurang menarik.	i) Grafik dan ilustrasi yang digunakan di dalam laporan agak menarik dengan beberapa bentuk jenis grafik ditonjolkan	i) Grafik dan ilustrasi yang digunakan di dalam laporan sangat menarik dengan kombinasi kepelbagaian jenis grafik .	
1.5	Keseragaman Pakaian.	i) Ahli kumpulan tidak memakai pakaian yang seragam antara satu sama lain	i) Beberapa ahli kumpulan memakai pakaian yang seragam.	Kesemua ahli kumpulan memakai pakaian yang seragam	
JUMLAH					
2	Inovasi Terbaik				
2.1	Rumusan Projek	i) Berupaya menjana idea dan inovasi baharu tetapi mungkin tidak/ kurang praktikal untuk pelaksanaan; ii) Idea dan inovasi yang dijana kurang memberi impak kepada jabatan.	i) Berupaya menjana idea / inovasi baharu yang mungkin praktikal untuk pelaksanaan; ii) Idea dan inovasi yang dijana memberi impak kepada jabatan.	i) Berupaya menjana idea / inovasi baharu yang sangat praktikal untuk pelaksanaan; ii) Idea dan inovasi yang dijana memberi impak kepada jabatan dan organisasi.	
JUMLAH					

Item	Kriteria Penilaian	SKEMA KRITERIA TAMBAHAN			
		1-4 (LEMAH)	5-7 (BAIK)	8-10 (CEMERLANG)	MARKAH
3	Fasilitator Terbaik				
3.1	Kebolehan fasilitator secara keseluruhan	i) Fasilitator tidak mampu mengendalikan slot dengan berkesan serta membantu ahli kumpulan dalam menjalankan projek inovasi.	i) Fasilitator mampu mengendalikan slot dengan berkesan serta membantu ahli kumpulan dalam menjalankan projek inovasi.	i) Fasilitator mampu mengendalikan slot dengan berkesan, membantu ahli kumpulan dalam menjalankan projek inovasi serta memberi motivasi dan galakan yang tinggi bagi mendapatkan hasil yang bermutu	
JUMLAH					